

"MAHA Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidil Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".  
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1.

## Hari Terbuka UNISSA kongsi maklumat program pengajian

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Terbuka bermula hari ini hingga 16 Februari 2023, bertempat di Dewan Gimnasium UNISSA dan pada hari

Selasa, 21 Februari 2023 bagi kampus UNISSA cawangan Sinait. Hari Terbuka UNISSA ini adalah bertujuan untuk memberikan gambaran dan pemahaman yang lebih jelas mengenai

pelbagai program pengajian yang ditawarkan, di samping mendapatkan maklumat secara terperinci tentang pelbagai aktiviti kokurikulum serta berpeluang berinteraksi secara langsung bersama tenaga akademik UNISSA.

Bagi Sesi Pengajian 2023/2024, UNISSA menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang akademik, termasuk Usuluddin; Syariah dan Undang-Undang; Bahasa Arab; Ekonomi dan Kewangan Islam; Pengurusan Pembangunan Islam; Teknologi Islam; Pertanian; Penyelidikan Mazhab Syafii; dan Penyelidikan Halalan Tayyiban.

Program-program yang ditawarkan ini menarik minat para pemohon bukan sahaja dari dalam negara, malah dari luar negara. Apatah lagi kelulusan yang diperolehi dari UNISSA diktrif



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Terbuka di Dewan Gimnasium UNISSA (atas dan kiri).

oleh institusi pengajian tinggi antarabangsa dan mempunyai kedudukan yang selandng. Turut menyertai Hari Terbuka UNISSA tersebut adalah wakil daripada Higher Education Centralised Admission System (HECAS). Sehubungan itu, orang ramai / bakal pelajar adalah dijemput dan

dialu-akukan hadir ke Hari Terbuka UNISSA untuk menerokai pelbagai program akademik yang ditawarkan. Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi Pusat Pengurusan Akademik melalui e-mel oam@unissa.edu.bn atau oam@siswa.unissa.edu.bn dan WhatsApp +673 7376997.

